

LEVEL 1 CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU KENDIRI

3. PAMERKAN KERJA BERPASUKAN

A. Padankan yang berikut dengan betul.

PASUKAN KERJA

kumpulan-kumpulan formal terdiri daripada individu yang saling bergantung dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat.

PASUKAN
CAMPURAN ATAU
BERSILANG
FUNGSI

terdiri daripada seorang pengurus dan orang bawahan beliau daripada satu bidang tugas yang sama.

PASUKAN SAMA
FUNGSI

mempunyai ahli daripada pelbagai bidang tugas dengan pelbagai bidang kepakaran dan dari peringkat organisasi yang berbeza

KONSEP KERJA
BERPASUKAN

- i. Tujuan yang sama
- ii. Peranan yang jelas
- iii. Proses pasukan yang jelas
- iv. Hubungan mantap
- v. Interaksi yang berkesan antara ahli pasukan dan pengurus

CIRI-CIRI
PASUKAN YANG
EFEKTIF

Pasukan yang baik membolehkan setiap ahli bertindak lebih daripada sebagai individu. Ini kerana Semangat Berkumpulan bermakna setiap ahli memerlukan satu sama lain, saling sokong menyokong, mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai wawasan dan memperoleh semangat yang tinggi.